

**PENDAKWAAN KES KOPERASI CHAYA BERHAD (KOCHAYA)
MAHKAMAH SESYEN (3) JOHOR BAHRU**

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

vs

ABDUL RAHMAN BIN HUSSIN

Pada 14 Jun 2011, pihak SKM telah melakukan pendakwaan terhadap Abdul Rahman bin Hussin dan Sulaiman bin Saidali di Mahkamah Sesyen Johor Bahru. Abdul Rahman **(OKS)** telah didakwa di bawah **seksyen 10A (1) Akta Koperasi 1993 yang boleh dihukum di bawah seksyen 10A (2) Akta Koperasi 1993** dan di bawah **seksyen 91(1)(c) dan boleh dihukum seksyen 91(2) Akta yang sama.**

Pertuduhan di bawah seksyen **10A (1) Akta Koperasi 1993** adalah berkaitan dengan tindakan beliau yang telah mengemukakan dirinya sebagai pengerusi Koperasi Chaya Berhad dengan memberi penerangan mengenai pelaburan perniagaan perikanan kepada pelabur. OKS tidak pernah pada bila-bila masa dilantik oleh mesyuarat agung tahunan Koperasi Chaya Berhad sebagai pengerusi Koperasi ini.

Manakala bagi pertuduhan di bawah seksyen **91(1)(c) Akta Koperasi 1993 Akta Koperasi 1993** OKS telah mengambil deposit daripada bukan anggota Koperasi Chaya Berhad tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam menjalankan aktiviti skim perniagaan di bawah program keusahawanan dan ianya merupakan suatu perbuatan bawah seksyen 50(e) Akta Koperasi 1993 dan merupakan kesalahan di bawah seksyen **91(1)(c) Akta Koperasi 1993.**

Berdasarkan rekod Suruhanjaya Koperasi Malaysia, didapati Koperasi ini tidak pernah memohon kelulusan untuk mengambil deposit daripada bukan anggota sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 50(e) Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi Chaya Berhad.

Pada 14/07/2011, OKS telah mengaku salah di atas kedua-dua pertuduhan ini. Mahkamah telah mensabitkan OKS di atas kedua-dua tuduhan ini dan menjatuhkan hukuman **penjara 10 bulan dari tarikh tangkapan bagi kesalahan di bawah seksyen 10A (1) Akta Koperasi 1993 DAN denda sejumlah RM50,000.00 (jika gagal penjara 6 bulan) bagi kesalahan di bawah seksyen 91(1)(c) Akta Koperasi 1993.**

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Encik Kamarulzaman bin Mohd Buhari

Pasukan Penyiasat Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Encik Mohd. Rossali bin Morsalin
Encik Khairul Azmi bin Sahari
Encik Mohd Pauzi bin Sirat